

Laksanakan Penyelesaian Lestari untuk Masalah Kekurangan Ubat

Gabungan Kesihatan Malaysia prihatin tentang masalah [kekurangan ubat](#) di Malaysia yang telah melibatkan kedua-dua sektor awam dan [swasta](#). Ubat-ubatan ini digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit biasa dan kekurangannya akan menjejaskan kualiti penjagaan kesihatan yang diberikan kepada Rakyat.

Kami menggesa langkah-langkah berikut:

1. Memperkemas proses kelulusan untuk pembelian luar kontrak dan ubat-ubatan yang memerlukan kelulusan khas di fasiliti KKM

Malaysia mendapatkan ubat daripada pembekal gantian atau dengan kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Kesihatan atau Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dalam dua situasi iaitu apabila pembekal asal tidak dapat memenuhi pesanan atau apabila ubat tidak disenaraikan dalam Formulir Ubat Kementerian Kesihatan (KKM). Pembekal gantian dan kelulusan khas diperlukan semasa krisis kekurangan ubat-ubatan. Oleh itu, proses kelulusan untuk peraturan ini harus diperkemas untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan tempoh menunggu. Ini penting dalam situasi yang menimbulkan risiko kesihatan awam seperti kekurangan ubat-ubatan, terutamanya semasa wabak COVID yang berterusan.

2. Meningkatkan kapasiti pengeluaran ubat-ubatan tempatan

Pada masa ini, Malaysia [mengimport produk farmaseutikal](#) dalam tiga kategori: produk farmaseutikal siap, bahan farmaseutikal aktif (API), dan bahan farmaseutikal perantaraan untuk pembuatan tempatan. Akibatnya, bekalan produk farmaseutikal mudah terjejas berikutan [gangguan rantaian bekalan](#) oleh Perang Rusia-Ukraine yang sedang berlangsung dan penyekatan akibat COVID di China. Oleh itu, kita mesti mengukuhkan kapasiti tempatan kita dalam pembuatan barangan farmaseutikal untuk meminimumkan kesan daripada gangguan pada masa hadapan. Ini mesti disertakan dengan Amalan Pengilangan Baik (GMP) untuk memastikan semua ubat buatan tempatan memenuhi piawaian keselamatan, kualiti dan keberkesanan yang diperlukan, selaras dengan [Dasar Ubat Nasional](#) (DUNas). Kerajaan mesti menyediakan dasar, cukai dan iklim kawal selia yang menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam bidang ini.

3. Mengukuhkan kerjasama antara sektor awam dan swasta melalui pinjaman stok ubat dan perkongsian data penggunaan ubat

Tindakan pantas KKM untuk membantu kemudahan penjagaan kesihatan swasta melalui [pinjaman stok ubat](#) oleh fasiliti penjagaan kesihatan awam wajar diterima baik. Kerjasama antara sektor awam dan swasta harus digalakkan untuk meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan kepada pesakit. Kerjasama ini memerlukan perkongsian data yang telus, terutamanya berkenaan harga dan penggunaan ubat. KKM mesti mengetuai dan menyelaras proses [pengumpulan data penggunaan ubat](#) untuk menambah baik strategi perolehan ubat semasa dan mengutamakan pengedaran ubat ke fasiliti yang mempunyai permintaan yang lebih tinggi.

Kami menggesa kerajaan untuk mengambil tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan kemampunan bekalan ubat, untuk menjamin kesihatan Rakyat.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

27 Jun 2022

Senarai tandatangan penuh:

Organisasi

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
5. Dermatology Society of Malaysia
6. IKRAM Health Malaysia
7. Islamic Medical Association of Malaysia
8. Lung Cancer Network of Malaysia
9. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
10. Malaysian Association of Clinical Biochemists
11. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
12. Malaysian Coalition on Ageing
13. Malaysian Paediatric Association
14. Malaysian Pharmacists Society
15. Malaysian Society of Anaesthesiologists
16. Malaysian Society of Clinical Psychology
17. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
18. Malaysian Society of Ophthalmology
19. Malaysian Thoracic Society
20. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
21. MedTweetMy
22. MMA Public Health Society
23. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
24. Perinatal Society of Malaysia

Individu

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dato' Dr Jahizah Hassan
4. Dr Khor Swee Kheng
5. Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail
6. Prof Dr Roslina Abdul Manap
7. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
8. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy

Diselaraskan oleh: Chen Fan Jie, Dr Sean Thum

Diterjemahkan oleh: Ahmad Aizat Zaini